

CILI

NAMA SAINTIFIK: CAPSICUM ANNUUM



Pengenalan

Cili (*Capsicum Annum*) adalah sejenis sayur yang sangat popular di kalangan pekebun kerana warnanya, rasa, rempah dan kandungan kimianya yang unik.

Cili yang ditanam boleh membawa hasil yang lumayan apabila ia ditanam di kawasan yang mempunyai cahaya yang mencukupi walaupun ia ditanam di dalam kawasan berstruktur tertutup.

Ini adalah kerana ia membantu meningkatkan rasa pedas dan rasa yang kuat cili tersebut.

Penyediaan Benih

Benih perlu direndam di dalam air suam (50°C) selama 30 minit dan dibilas dengan air sejuk dan dibiarkan kering.

Untuk rawatan racun kulat, 1 g Benomyl (a.i 20%) dan 1g Thiram (a.i 20%) di dalam 40 ml air untuk mendapatkan kepekatan larutan adalah 0.1% a.i.

Selaras rawatan kulat, benih akan dikeringkan pada suhu 20°C pada kelembapan 40% ataupun disemai secepat mungkin.

Semaian

Rawatan semaian anak benih cili adalah bergantung kepada varieti, kualiti benih dan kelembapan tanah. Untuk semaian yang optimum, benih di dalam media perlu:

- mempunyai sistem pengairan yang baik,
- pastikan media yang dirawat dan disiram setiap hari.

Dengan keadaan ini, benih akan bercambah dalam masa 8 hari.

Isi kan benih di dalam bekas semaian yang mempunyai 67% adalah peat moss and 33% adalah pasir.

Semai satu benih dalam satu lubang tanam dan tutup benih dengan jaring kalis serangga. Ini adalah untuk tahanan dan mengelakkan benih dari hujan yang lebat dan serangga.

Apabila benih mengeluarkan pucuk, siram anak benih setiap pagi atau mengikut keperluan (tidak terlalu basah, tidak terlalu kering).



Menanam

- Benih yang telah disemai dan telah brumur 6 minggu boleh diubah terus ke batas/pasu.
- Tanam 2 biji benih ke dalam lubang batas/pasu.
- Jarak tanaman yang disyorkan 90 cm antara pokok dan 150 cm antara baris.

Kawalan Serangga/Penyakit

Serangga/penyakit	Rawatan kimia	Kekarapatan
Aflatoxin	Metamidophos	Jika diperlukan
Sensu jenis penyakit blitik daun	Copper	7-10 hari
Hawar pucuk	Sulphur	Jika diperlukan
Kita daun	Chlorpyrifos	Jika diperlukan
Antracene	Mancoset	7-10 hari

Siraman Cuka Kayu

Cuka kayu berfungsi sebagai penghalau serangga, pemulih tanah dan penyubur pokok.

Cara penggunaan:

- Buncuh cuka kayu 1ml : 500ml air
- Sembur di pucuk sehingga ke pangkal pokok dan ke media semaian sebanyak 2 kali seminggu.

Menyiram

Siram pokok pada awal pagi dan lewat petang setiap hari kecuali hujan.

Membaja

Tabur baja NPK Blue Special (12:12:17:2) di keliling pokok dengan kadar 1 sudu besar atau 10 gm sepopok setiap 2 minggu.

Sungkupan

Gunakan rumput-rumput kering atau pelepah kelapa sebagai sungkupan.

MEMUNGUT HASIL


Cili boleh dituai pada peringkat cili berwarna hijau (tidak matang) ataupun berwarna merah (peringkat matang). Ia akan mengambil masa selama 55-60 hari selepas pembungaannya untuk pembentukan buah sehingga matang sepenuhnya. Keadaan ini dipengaruhi oleh suhu, kesuburan tanah, dan varieti.

Cili yang dituai tidak perlu dibasuh kecuali ia akan disimpan di dalam tempat sejuk (10°C) sehingga dijual. Cili boleh bertahan sehingga 1-2 minggu jika disimpan pada suhu dan kelembapan (28°C dan 60% RH).

Hasil 1 pokok cili adalah di antara 1.0-1.5 kg.



JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK
TINGKAT 6, BANGUNAN SERI PERAK, JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH PERAK DARUL RIZUZAN.
TELEFON: 05-242 6177/05-254 1999, FAKS: 05-242 6177/05-255 5324
WEBSITE: www.pertanianperak.gov.my



TERBITAN OGOS 2021